

Kerajaan tak harus ditukar — PM

KUALA TERENGGANU 17 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, beliau tidak nampak, kerajaan Barisan Nasional yang berjalan dengan baik pada masa ini harus ditukar.

Perdana Menteri itu menegaskan adalah tidak patut adanya segelintir yang menyatakan sudah sampai masanya mereka hendak menukarkan kerajaan yang sudah teguh menegakkan agama Islam di negara ini.

Beliau menambah, ini bukan masanya untuk bertukar kerajaan kerana beliau tidak nampak kerajaan lain boleh berjalan dengan baik, apalagi dengan keangkuhan pemimpinnya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya di majlis perjumpaan dengan semua calon-calon Barisan Nasional negeri, bekas-bekas wakil rakyat dan veteran UMNO di kediaman Menteri Besar di sini petang ini.